

# UiTM juara keseluruhan karnival MASUM 2016

BERITA HARIAN  
26/1/2017 p. V16

**Arau:** Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul johan keseluruhan pada Karnival Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2016 Fasa 2, yang berlangsung, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Pusat Sukan UiTM, Mohd Fisol Saud, berkata kejayaan itu diraih selepas kontinjen UiTM mempamerkan pencapaian cemerlang dengan memungut 36 pingat, masing-masing 14 pingat emas, sembilan perak dan 13 pingat gangsa.

Beliau berkata, kejayaan memperoleh pingat emas itu melalui acara tenis dengan empat pingat emas, woodball (empat) dan karate do (tiga).

“Pasukan UiTM turut meraih tiga lagi pingat emas masing-masing bagi acara bola baling, basikal

dan sofbol,” katanya.

## **Menonjolkan bakat**

Dianjurkan selama tujuh hari di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), karnival itu bertujuan menyediakan platform kepada atlet untuk menonjolkan bakat, menggalakkan kecemerlangan mereka dalam bidang sukan diceburi, selain memantapkan kemahiran untuk bertanding pada peringkat tinggi.

Penyampaian pingat dan piala yang diadakan di Dewan Kecemerlangan, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Pauh Putra, UniMAP disempurnakan Naib Canselornya, Datuk Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal.

Tempat kedua kejohanan itu menjadi milik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan ketiga Universiti Putra Malaysia (UPM).



**Pasukan UiTM ceria** selepas diumumkan johan keseluruhan pada Karnival MASUM 2016 Fasa 2.